

PM bidas sikap pembangkang

KUALA LUMPUR 18 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap parti pembangkang yang menjadikan isu politik apabila ahlinya ditangkap dan didakwa di mahkamah kerana melakukan sesuatu kesalahan di bawah perundangan negara.

Beliau berkata, sikap pihak pembangkang yang menjadikan isu anggota ditangkap amat dikesali terutama apabila mereka membuat kenyataan kepada pihak media asing

kononnya mereka ditindas dan dianiaya.

“Bila anggota parti lawan kena tangkap, mereka buat demonstrasi, malah bila pergi buat laporan polis pun bawa bendera menjadikannya isu politik,” katanya kepada para pemberita selepas menghadiri majlis jamuan bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri sempena Hari Raya Aidilfitri di Kelab Bukit Perdana di sini.

Dr. Mahathir memberi contoh apabila anggota Parlimen

Kota Melaka, Lim Guan Eng ditahan mengikut Akta Cetak dan Penerbitan kelmarin dan DAP memberitahu media asing bahawa kerajaan menganiaya mereka.

“Jika anggota DAP ditahan ia dianggap sebagai satu kesalahan, tetapi kalau Rahim (Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik) kena tangkap itu adalah betul. Saya pun hairan juga dengan DAP,” katanya.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir bertanyakan apakah DAP hendak “kebebasan

diri daripada undang-undang negara?”

Dr. Mahathir juga menafikan bahawa tindakan menahan Lim atas dua tuduhan iaitu di bawah Akta Hasutan dan Akta Cetak dan Penerbitan adalah perancangan politik kotor.

“Sebenarnya tindakan ini dijalankan oleh pegawai kerajaan yang sememangnya menjalankan tugas dan kita tidak campur tangan,” tegasnya.